

22 OCT 1997

Mahathir-Abad

"ABAD ASIA" TIDAK AKAN BERLAKU, KATA MAHATHIR

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 22 Okt (Bernama) -- "Abad Asia" yang diharapkan berlaku pada kurun akan datang oleh kebanyakan di Asia, tidak akan menjadi kenyataan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya abad ke-21 haruslah merupakan "abad Dunia" atau satu Komanwel Sejagat yang tidak mengecualikan sesiapa, katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak di United World College of the Atlantic di sini pada Selasa.

Katanya rakyat Asia tidak harus menyimpan hasrat untuk mewujudkan satu abad Asia atau membenarkan satu hegemonisme yang baru walaupun mereka percaya bahawa abad akan datang, yang hanya 26 bulan lagi, harus menjadi kurun mereka atas dasar adalah giliran Asia untuk menjadi tuan.

Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapan itu sendiri yang bertajuk "Kedudukan dan Peranan Asia Dalam Pembentukan Komanwel Sejagat Abad Ke-21," tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana menghidap selesema.

Perdana Menteri berkata: "Kepada mereka yang percaya bahawa abad Asia akan sampai, saya minta maaf kerana memusnahkan impian mereka. Saya percaya idea kewujudan abad Asia hanya satu hasrat yang sia-sia."

Sambil menyifatkan abad Asia yang sering diusulkan sebagai satu "khayalan", beliau berkata era penguasaan Asia terhadap planet bumi tidak akan berlaku dan era imperialisme sudah mati dan masa untuk hegemoni telah berlalu.

"Ia harus dikuburkan. Dan pengebumiannya dirayakan. Imperialisme tidak kurang jahatnya jika ia merupakan imperialisme Asia. Hegemonisme juga tidak boleh diterima jika ia merupakan hegemonisme Asia. Penguasaan tidak kurang menjadi perosak jika ia adalah penguasaan Asian.

"Apa yang harus kita dalam Asia lakukan dalam kurun ke-21 ialah bukan untuk menjadikannya abad Asia tetapi satu kurun dunia, satu Komanwel Sejagat yang tidak mengecualikan sesiapa tetapi merangkumi manusia keseluruhannya," kata Dr Mahathir.

Beliau menyokong abad ke-21 menjadi satu dunia yang dihuni oleh demokrasi yang subur, bertanggungjawab, produktif dan berterusan yang diungguli dengan standard hak asasi manusia dan tanggungjawab kemanusiaan yang luar biasa.

Ia juga harus menjadi satu dunia baru yang bercirikan hormat-menghormati, saling menghargai, lebih bertimbangrasa terhadap kepentingan, perasaan, nilai dan cara orang lain, katanya.

United World College of Atlantic, sebuah kolej swasta, menganjurkan siri syarahan tahunan itu bagi ketua-ketua industri Britain.

Dr Mahathir berkata kepercayaan penduduk Asia bahawa abad akan datang milik mereka adalah berasaskan sejarah bahawa kurun ke-19 dikuasai oleh Eropah dan abad ke-20 oleh Amerika Syarikat.

Mengenai abad ke-20, beliau berkata: "Adakah tidak mengaibkan bahawa terlalu besarnya harapan terhadap kurun ke-20 yang begitu ketara dirasakan seratus tahun lalu, begitu mengecewakan dan terpesong?"

Beliau menegaskan bahawa abad ke-20 sepatutnya menjadi satu kurun yang aman yang memberi tumpuan kepada kegirangan hidup tetapi sebaliknya ia menjadi abad kematian berjuta orang.

"Dalam abad ke-20 kita sepatutnya telah melakukan banyak usaha untuk menghapuskan sama sekali kemiskinan mutak -- melenyapkannya terus dari bumi ini. Tetapi apa yang kita temui? Kesengsaraan teruk yang tidak pernah dilihat dunia."

Dr Mahathir berkata beliau tidak mengutuk beberapa ribu jutawan yang secara bersama mempunyai lebih kekayaan daripada beberapa ribu juta manusia, yang kebanyakan mereka mati kebuluruan atau sedang menghadapi kebuluran.

Katanya adalah "diwajarkan dari segi politik" untuk mengkagumi mereka yang menguasai kekayaan besar sementara ada yang berkata berjuta-juta mereka yang kebuluran itu adalah lebih baik dilupakan sahaja atau diturunkan menjadi nota kaki sejarah.

"Tetapi saya harus akui yang saya lebih daripada berasa kurang senang -- saya begitu sedih -- apabila memikirkan tiga bilion penduduk planet ini yang hidup bergantung pada US\$2 sehari, setiap hari dalam hidup mereka."

Dalam abad ini, katanya lapan setengah juta askar dan 13 juta lelaki, kanak-kanak dan dewasa yang terkorban dalam Perang Dunia Pertama dan 19 juta askar dan orang awam yang mati dalam Perang Dunia Kedua.

Ini ditambah pula dengan kematian yang berpunca daripada doktrin, dengan Hitler dan Nazisme menyebabkan penghapusan 17 juta orang sementara Stalin dan komunis Rusia membunuh antara 20 dan 25 juta manusia.

Sikap tidak berperikemanusiaan seseorang terhadap yang lain tidak pernah mencapai puncak sebegini, sehingga abad ini, antara 175 juta dan 200 juta orang telah terkorban dalam pelbagai bentuk pembunuhan beramai-ramai, katanya.

Dr Mahathir berkata dunia sebenarnya mempunyai cara untuk menghapuskan kemiskinan mutlak dan memberikan Malaysia sebagai contoh.

Dengan memetik perangkaan program pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) beliau berkata kurang daripada 30 tahun lepas, lebih setengah daripada rakyat Malaysia hidup di bawah garisan kemiskinan mutlak.

Tetapi kini rakyat Malaysia memandang ke hadapan untuk memasuki abad baru ini dengan kemiskinan mutlak sifar, hampir tiada seorang pun berada di bawah garisan kemiskinan mutlak.

"UNDP berkata negara saya yang sederhana, Malaysia, merupakan penghapus terbaik kemiskinan dari muka bumi ini dalam sejarah manusia selepas perang. Jika kami boleh melakukannya, seluruh dunia ini melakukannya."

"Benarkan saya bertanyakan soalan-soalan paling mudah:" Kenapa tidak kita mengabdikan diri terhadap menghapuskan kemiskinan? Kenapa tidak jadikan abad ke-21 kurun pertama membebaskan manusia daripada penghambaan kemiskinan?."

Dr Mahathir berkata abad akan datang harus merupakan satu kurun yang menjadikan manusia lebih penyayang bukan sahaja terhadap sesama manusia tetapi juga terhadap alam sekitar "yang tidak harus lemas atau terbakar".

Katanya: "Mereka yang percaya bahawa mencintai alam sekitar satu kemewahan yang kita tidak mampu, adalah silap. Jika kita tidak dapat melancarkan perjuangan sejagat yang diperlukan ini untuk menyelamatkan alam sekitar sedunia pada ketibaan kurun ke-21, cahaya samar abad ke-21 akan menjadi gelap. Ia akan benar-benar menjadi gelap-gelita."

Mengenai nilai-nilai Asia, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan mempertahankan mereka yang berkuasa di Asia yang menggunakan nilai Asia untuk dijadikan alasan terhadap perkara keji yang mereka lakukan ke atas rakyat mereka.

"Saya akui bahawa banyak nilai-nilai Asia yang teruk dan perlu dihapuskan. Malah saya secara peribadi telah menghabiskan banyak masa dalam hidup saya mencuba apa yang boleh saya lakukan untuk menghapuskan kebanyakan nilai-nilai Asia yang lebih membawa kepada keburukan."

Sambil mengakui bahawa masih banyak lagi yang perlu dipelajari rakyat Asia daripada Barat, Dr Mahathir juga menarik perhatian bahawa banyak nilai-nilai Asia hari ini yang dikritik hebat dan mungkin hilang pada masa akan datanag.

Beliau juga berkata tiada asas bagi idealisme yang dibina berdasarkan

satu ilusi jika ideanya bagi sebuah Komanwel Sejagat abad ke-21 mahu dicapai.

"Saya benar-benar percaya bahawa idealisme saya bukannya dibentuk berasaskan ilusi. Kesemua yang saya telah sarankan boleh mencapai kejayaan.

"Tetapi untuk mencapainya, kita memerlukan satu Asia baru, mencari kedudukan yang wajar dalam pembentukan sejarah sedunia dan memainkan peranan yang pernah dilakukannya dalam pengwujudan tamadun manusia," katanya. -- BERNAMA

WAH AU RON